

Semua IPTA laksana iCGPA

SHAH ALAM 1 Sept. - Sistem purata nilai gred keseluruhan berintegrasi (iCGPA) yang diperkenalkan di lima universiti awam pada tahun lalu akan diperaktikkan di kesemua 20 universiti awam seluruh negara, bermula bulan ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kefahaman yang meningkat berhubung iCGPA dan keberkesanannya dalam melahirkan graduan yang holistik mendorong semua universiti awam menggunakan sistem penilaian itu.

"Kita mahu melahirkan pelajar yang bukan sahaja bagus dari segi akademik tetapi holistik, mempunyai ciri keusahawanan dan seimbang serta mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik.

"Dengan 20 universiti awam melaksanakan iCGPA, kita yakin sistem ini mantap dalam memas-



IDRIS JUSOH

tikan kecemerlangan pendidikan tinggi negara," katanya selepas merasmikan majlis penjenamaan semula Kolej PTPL di sini, hari ini.

Lima universiti awam yang telah melaksanakan iCGPA ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sistem penilaian tersebut meliputi sembilan aspek iaitu kefahaman akademik; kemahiran akademik; pemikiran kritikal dan saintifik; kemahiran berkomunikasi; kemahiran sosial berkumpulan dan kemanusiaan; etika, moral dan profesionalisme; pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; pengurusan dan keusahawanan; dan kepimpinan.